

11/05/2004

Tiada maaf kezaliman tentera AS di Iraq

PRESIDEN George W Bush mendakwa mahu menamatkan kezaliman kerajaan Saddam Hussein selain menuduh Baghdad membina senjata pemusnah besar ketika menyerang Iraq, tetapi kini Amerika Syarikat terbukti lebih kejam lagi. Pendedahan lebih banyak kes penderaan dan penyeksaan terhadap tahanan Iraq di penjara Abu Ghraib dan terhadap kanak-kanak perempuan yang dijadikan tawanan, jelas menunjukkan ia adalah agenda terancang pihak Pentagon di Iraq. Sebelum ini, layanan buruk dan pencabulan hak asasi manusia hanya dilaporkan berlaku di kem tahanan AS di Teluk Guantanamo, Cuba tetapi ia tidaklah seteruk di Abu Ghraib yang dulu disifatkan oleh Bush sendiri sebagai pusat penyeksaan zaman Saddam.

Apakah Bush, Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair sekadar meminta maaf saja terhadap perbuatan tidak berperikemanusiaan dilakukan askar AS dan konco mereka, tentera Britain terhadap rakyat Iraq? Laporan terkini menunjukkan kekejaman di Abu Ghraib dan penjara di Basra berpunca daripada dasar Pentagon sengaja menyembunyikan penyeksaan, membelakangkan Konvensyen Geneva dan hakikat AS kebal terhadap sebarang dakwaan melakukan jenayah perang. Keengganan Bush menandatangani ketetapan Mahkamah Jenayah Dunia jelas memberi kebebasan kepada askarnya terus melakukan penyeksaan.

Mesir, Bahrain, Kuwait dan Itali, sekutu AS yang menyokong pencerobohan Iraq, seharusnya sedar betapa mereka dipermainkan oleh Bush. Menteri Luar Itali, Franco Frattini, mengakui penyeksaan itu memalukan pakatan tentera penceroboh yang sepatutnya membantu membina sebuah Iraq yang bebas. Tetapi pernyataan meminta maaf dan ikrar askar terbabit akan dikenakan hukuman saja tidak mencukupi. Sebagaimana dicadangkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Bush dan Rumsfeld seharusnya meletak jawatan akibat kezaliman askar AS itu. Rumsfeld terutama sudah lama tahu siri kekejaman itu tetapi sengaja menyembunyikannya sehinggalah dia disiasat Senat.

Kini rakyat AS sepatutnya bangkit membantah dan tidak sekadar kesal akan tindak tanduk tentera mereka yang terlalu kejam itu. Hanya bantahan berterusan sebagaimana ketika Perang Vietnam 1970-an dulu, mampu membawa pulang tentera penakluk di Iraq. Bush dan Rumsfeld harus sedar mereka kini amat dibenci dunia Islam dan sepatutnya berundur. Seperti kata Dr Mahathir, jika ia membabitkan pemimpin Jepun, sudah lama mereka bukan saja meletak jawatan tetapi mungkin membunuh diri secara harakiri. Kezaliman terhadap tahanan di Abu Ghraib itu adalah paparan nyata AS, kuasa tunggal dunia, tidak bermaruah dan Bush bersama Rumsfeld tidak harus dihormati lagi.

(END)